

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 16 Mac 2016

Bil. 3/2016

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

PENGUATKUASAAN KADAR DENDA KETIDAKHADIRAN KURSUS/LATIHAN TANPA ALASAN MUNASABAH KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DAN PENAMBAHBAIKAN DASAR LATIHAN

1.0 TUJUAN

Pekeling ini dikeluarkan bagi memaklumkan Penguatkuasaan Kadar Denda Ketidakhadiran Kursus/Latihan Tanpa Alasan Munasabah Kepada Kakitangan Universiti Malaysia Sabah dan Penambahbaikan Dasar Latihan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 'Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam' Perkara 7 (ii) telah menetapkan dasar bahawa setiap anggota Sektor Awam perlu mengikut kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun.
- 2.2 Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah melaksanakan dasar tersebut dengan mewujudkan struktur latihan yang teratur dan terancang setiap tahun melalui jawatankuasa latihan yang telah ditubuhkan. Pada tahun 2010 sehingga tahun 2014, program-program latihan Universiti telah dilaksanakan melalui Sistem MyCPD (Continuous Professional Development).
- 2.3 Penambahbaikan terhadap anatomi latihan Universiti telah bermula pada Februari 2015 dengan mewujudkan Sistem MyIDP (Individual Development Plan) bagi menggantikan Sistem MyCPD. Kursus-Kursus yang ditawarkan melalui Sistem MyIDP adalah berdasarkan tiga (3) elemen utama iaitu:
 - i. Kursus Teras (Skim Based) [50%];
 - ii. Kursus Elektif (Good to Have) [30%]; and
 - iii. Umum (Aktiviti sumbangan kepada Universiti) [20%].
- 2.4 Jawatankuasa Latihan yang ditubuhkan mengikut gugusan (bukan akademik) dan kluster (akademik) telah menetapkan kursus-kursus yang ditawarkan setiap tahun berdasarkan keperluan setiap skim perkhidmatan serta mengambil kira tempoh perkhidmatan seorang kakitangan. Bagi mencapai kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun, mata IDP bagi setiap kakitangan mengikut gred dan kumpulan telah ditetapkan seperti berikut:

i. Mata Minima IDP Bagi Kakitangan Akademik

BIL.	GRED JAWATAN	MATA MINIMA	KOMPONEN		
			TERAS 50%	ELEKTIF 30%	UMUM 20%
1.	VK	24	12	7	5
2.	DS 53/54 DU 53/54	30	15	9	6
3.	DS 51/52 DU 51/52 DG 52	36	18	11	7
4.	DS 45 DG 48	42	21	13	8
5.	Guru Bahasa DG 41-44	42	21	13	8

ii. Mata Minima IDP Bagi Kakitangan Bukan Akademik

BIL.	GRED JAWATAN	MATA MINIMA	KOMPONEN		
			TERAS 50%	ELEKTIF 30%	UMUM 20%
1.	VU	24	12	7	5
2.	54	30	15	9	6
3.	48-52	36	18	11	7
4.	41-44	42	21	13	8
5.	32-40	30	15	9	6
6.	17-29	42	21	13	8
7.	1-16	42	21	13	8

2.5 **Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil.1/2016 (Kali Ke-195)** yang bersidang pada **20 Januari 2016** telah bersetuju dengan peraturan ini.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Peraturan ini diwujudkan bagi mengelakkan pembaziran terutamanya terhadap tempahan makanan dan bahan kursus.
- 3.2 Kadar denda yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil.4/2015 (57) pada 17 Disember 2015 (Khamis) adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	KADAR DENDA (RM)	CATATAN
1.	Kursus Dalaman UMS	15.00 sehari	Cadangan adalah mengambil kira kos jamuan dan bahan kursus/latihan bagi seorang peserta
2.	Kursus Anjuran Luar UMS	50.00	Cadangan adalah merupakan anggaran kos pengurusan penyertaan kursus anjuran luar

3.3 Kakitangan yang boleh dikenakan denda adalah seperti berikut:

KURSUS DALAMAN	KURSUS LUARAN
<ul style="list-style-type: none"> i. Kakitangan yang telah mengesahkan kehadiran tetapi tidak hadir tanpa alasan yang munasabah. (ketidakhadiran hendaklah secara bertulis dan mendapat pengesahan Ketua Jabatan) ii. Kakitangan yang telah memohon namun tidak mengesahkan kehadiran dianggap hadir. (Pengesahan kehadiran perlu dilakukan 7 hari sebelum kursus diadakan) 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kakitangan yang telah memohon dan diluluskan untuk mengikuti kursus anjuran luar. ii. Proses tempahan tiket, tempahan hotel dan pengesahan kehadiran kepada penganjur telah dilakukan.

3.4 Kaedah pembayaran adalah melalui pemotongan gaji atau secara tunai di kaunter pembayaran Jabatan Bendahari.

3.5 Bagi mengelakkan pembaziran dan menyokong hasrat Universiti ke arah dasar penjimatan, beberapa langkah penambahbaikan terhadap Dasar Latihan akan dilaksanakan pada tahun 2016 seperti berikut:

- i. Tempahan makanan dilakukan berdasarkan jumlah kakitangan yang telah mengesahkan kehadiran.
- ii. Hanya minum pagi dan minum petang sahaja disediakan iaitu berjumlah RM7.00 berbanding RM14.00 pada tahun 2015 dan tahun-tahun sebelumnya.
- iii. Makan tengahari akan disediakan kepada penceramah dan urus setia kursus.
- iv. Surat jemputan tidak akan diedarkan. Surat jemputan, pengesahan Ketua Jabatan dan pengesahan kehadiran boleh disemak melalui HR-Online (MyIDP).

- v. Sijil menghadiri kursus tidak akan dicetak. Kakitangan boleh menyemak dan mencetak Transkrip Kehadiran Kursus melalui Sistem HR-Online (MyIDP).
- vi. Bahan kursus tidak akan disediakan. Kakitangan digalakkan untuk membawa buku nota sendiri manakala nota kursus akan diedar secara emel (softcopy).

3.6 Maklumat lanjut mengenai peraturan ini boleh diperolehi di **Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa mulai pada **1 Januari 2016**.

Sekian, Terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



NO'MAN HJ. AHMAD
Pendaftar

Tarikh : **16** Mac 2016

- s.k. Naib Canselor
 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 Fail